

Silat ajak manusia

27 APR 1980

Berita Minggu

pupuk budi yg luhur

Pencak silat
CARA bagaimana seni silat dapat mengajak manusia agar berbudi luhur dan bukan sebagai satu cara untuk memperagakan kekuatan, haruslah diberi tekanan dalam usaha untuk menggalakkan seni silat sebagai salah satu jenis olahraga.

Dan usaha-usaha ini juga harus mengelakkan silat daripada menjadi alat untuk diperdagangkan atau dipajakkan.

Warisan seni

Demikian ditegaskan oleh Setiausaha Parlimen (Perhubungan dan Kebudayaan), Encik Sidek Saniff, ketika berucap di majlis penutup Pesta Silat Tiga Negara Asean, di Panggung Negara malam tadi.

Encik Sidek juga menekankan

bahawa dalam usaha hendak menjadikan silat sebagai sejenis olahraga, pihak yang terlibat haruslah dapat mengenengahkan warisan seni tersebut ke arena antarabangsa seni pertahanan diri seperti karate, taekwondo, kungfu dan yang lain-lainnya.

Selain dari itu, usaha-usaha juga harus dibuat untuk menentukan agar silat yang dipersembahkan itu disulam atau disisipkan dengan unsur-unsur seninya.

Perkara yang penting, katanya, adalah mempelopori bahawa seni pertahanan diri ini adalah sesuatu yang dapat mengajak manusia berbudi luhur, menjadi manusia yang baik. Bukan mempertunjukkan kekuatan, apa lagi dipajak-dagangkan."

Merujuk kepada ketidaklicinan persembahan untuk pesta tiga negara yang pertama itu, dia berkata bahawa jika perkara-perkara demikian berlaku, para peserta diminta

agar perlu memberikan masa kepada pihak penganjur dan perlu membuat lebih banyak persiapan untuk persembahan di masa depan.

Encik Sidek juga mengingatkan bahawa usaha mengeratkan hubungan silaturrahim seperti mengadakan pesta ini, harus diperluaskan untuk mengundang sama sebuah lagi negara jiran yang terdekat, iaitu Brunei.

Perkembangan

27 APR 1980
Dan usaha-usaha kerjasama ini, tambahnya, jika dapat dilakukan dengan lebih licin, akan memudahkannya dan mempercepatkan perkembangan seni silat ke negara-negara di Eropah dan Amerika.

Pesta tiga negara itu telah disertai oleh peserta-peserta dari Malaysia, Indonesia dan Singapura dan ia dianjurkan oleh Persekutuan Silat Singapura selama dua malam berturut-turut mulai Jumaat malam lalu.

Corak ilmu silat yg dipelajari di Amerika

30 APR 1980

Pencak silat

ILMU silat yang diamalkan oleh penuntut-penuntut terutama di Amerika Syarikat lebih berbentuk bela diri dan belum lagi ke peringkat seni.



ENCIK OYONG

Ramai di antara penuntut itu yang berpendapat bahawa ilmu silat yang mereka pelajari adalah berbeza dari ilmu-ilmu mempertahankan diri yang lain, kerana silat mempunyai banyak liku-liku atau tipu dayanya.

Demikian dinyatakan oleh Encik Oyong Karmayuda, Setiausaha Agung Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat), yang berada di sini untuk menyaksikan Pesta Silat Tiga Negara Asean, baru-baru ini.

Ketika dia melawat Amerika Syarikat dua bulan lalu, katanya, dia sempat menjelajahi beberapa wilayah di negara tersebut dan mendapati

bahawa tujuh wilayah di sana mempunyai guru-guru silat mereka sendiri.

"Saya merasa kagum dan di samping itu amat bangga kerana kesenian kita telah tersibar di sana.

Dibimbing

"Ini juga menandakan bahawa sudah sampailah masanya, kita sendiri selaku pelopor seni itu, melakukan usaha-usaha untuk memperluas seni kita ke peringkat antarabangsa di samping menjadi golongan penentu untuk terus menghidupkannya," tegas Encik Oyong.

Untuk kaum wanita pula, mereka menyatakan ilmu silat tidak menghilangkan sifat-sifat kewanitaan mereka, seperti

lain-lain ilmu bela diri dan tertarik dengan gerak-gerinya, kata Encik Oyong.

Perguruan-perguruan yang ditubuhkan di sana, dia menambah, pada mulanya telah dibimbing oleh pelatih-pelatih dari rantau ini. Ada di antara mereka telahpun mengahunginya untuk mendapatkan keris-keris.

Dari Timur Tengah pula, dia menarik perhatian, seorang peminat silat di sana telah meminta agar dikirimkan seorang pelatih.

30 APR 1980
Di Eropah, katanya, terdapat kira-kira enam buah negara yang mempunyai perguruan-perguruan yang sama di mana perguruan terbesarnya terdapat di Holland. Lain-lain negara termasuk Jerman

Barat, Perancis, Denmark, Scandinavia England.

Bercakap pula tentang Persilat yang baru dibentuk pada Mac, Encik Oyong menjelaskan usaha yang akan dijalankan oleh persekutuan selanjutnya ialah untuk meluaskan seni silat semua negara Asean masuk Brunei. Kemudian barulah ia akan diluaskan ke negara-negara lain.

Persilat juga sedang merancang untuk mbitkan sebuah buku yang khusus mempersoalkan tentang keseluruhan aspek seni itu untuk dijadikan pegangan.

Encik Oyong, dari Indonesia, mengetahui Peruan Silat Setiahati Rumbulan di sana dan itu bertugas sejak 1968.

Kelas seni silat gayung

Pencak silat
BALAI Rakyat Pulau Selangor akan mengadakan kelas seni silat gayung pada setiap Sabtu dan kelas menyelamatkan nyawa pada setiap Ahad di balai rakyat tersebut.

2 MAY 1980
Mereka yang berminat untuk menyertai kelas-kelas itu bolehlah mendapatkan borang-borang permohonan di balai rakyat itu dari 3.00 petang hingga 8.00 malam.